

22 APR 2000

MUSTAPA-EKONOMI/I

EKONOMI MALAYSIA MAMPU TUMBUH 7 PERATUS, KATA MUSTAPA

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Ekonomi Malaysia yang telah pulih sejak separuh kedua tahun lepas, kini berkembang di bawah potensi sebenarnya, kata penasihat ekonomi kepada Kementerian Kewangan Datuk Mustapa Mohamed, hari ini.

"Kita mempunyai potensi jangka panjang untuk mencapai pertumbuhan 7.0 peratus setahun. Tugas kita adalah untuk bekerja keras untuk mencapai potensi ini," katanya semasa merasmikan seminar mengenai Indeks Industri Teknologi dan Syariah anjuran Institut Penyelidikan Analisis Pelaburan Malaysia (RIIAM) dan MTDC Capital & Technology Research Sdn Bhd, di sini hari ini.

Dalam Belanjawan 2000 yang dibentangkan semula Februari lepas, keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara dijangka tumbuh 5.8 peratus tahun ini, satu kenaikan sasaran berbanding 5.0 peratus yang ditetapkan sebelumnya.

Tahun lepas Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.4 peratus, melebihi jangkauan awal 4.3 peratus, selepas menguncup 7.5 peratus pada 1998.

"Anggaran pertumbuhan 5.8 peratus tahun ini adalah jauh di bawah keupayaan sebenar kita," kata Mustapa dan menambah kerajaan telah berkerja keras ke arah peningkatan ekonomi dengan melaksanakan berbagai langkah dan peraturan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak akan berjaya dalam usaha ini tanpa kerjasama dan sokongan daripada sektor swasta.

Sementara itu, kumpulan pemikir ekonomi utama negara Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) telah meramalkan pertumbuhan KDNK sebanyak enam peratus tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam reaksinya kepada pembentangan semula Belanjawan 2000 lepas, turut melahirkan keyakinan Malaysia mampu kembali ke tahap pertumbuhan ekonomi 8.0 peratus seperti sebelum krisis.

-- BERNAMA